

 Pesuruhjaya Khas Cukai
Pendapatan, Putrajaya

 21 Januari, 2021

 Jabatan Undang-Undang,
LHDNM

PANEL

Tuan Ahmad Zakhi Bin
Mohd Daud

PEGUAM BAGI KPHDN

Wan Khairuddin Wan Montil
Anis Afiqah Che Rahim

PEGUAM BAGI PERAYU

Azhar Mohamad
Mohamed Zamani Ismail

RAYUAN ATAS PENERIMAAN WANG YANG DITAKSIRKAN DI BAWAH PERENGGAN 4(f) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 DITOLAK

ABM v. KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI [KES RAYUAN PKCP(R) 780/2017]

Kata kunci: penerimaan hasil – perenggan 4(f) Akta Cukai
Pendapatan 1967.

Perenggan 4(f) Akta Cukai Pendapatan 1967 (“ACP 1967”) adalah merupakan satu peruntukan ‘rangkum semua’ atau *catch all provision* bagi penerimaan hasil yang tidak terjatuh di bawah mana-mana peruntukan perenggan 4(a) hingga 4(e) ACP 1967.

Pendapatan yang boleh ditaksirkan di bawah perenggan 4(f) ACP 1967 antaranya melibatkan penerimaan pelbagai atau casual dan terpencil iaitu penerimaan yang diperolehi sekali sekala atau secara kebetulan, walaupun ianya terbit bukan daripada aktiviti biasa pekerjaan seseorang pembayar cukai.

Perayu di dalam kes ini telah menerima wang berjumlah RM750,000.00 daripada seorang individu yang didakwa bertujuan sebagai dana untuk menjana peluang perniagaan bagi sebuah syarikat.

Responden tidak menerima alasan Perayu memandangkan wang tersebut telah digunakan untuk membeli aset di atas nama Perayu dan isteri Perayu. Oleh itu, wang tersebut telah ditaksirkan sebagai pendapatan lain di bawah perenggan 4(f) ACP 1967.

Perayu telah gagal untuk membuktikan tujuan penerimaan wang tersebut. Oleh itu, PKCP telah memutuskan bahawa taksiran yang dibangkitkan di bawah Perenggan 4(f) ACP 1967 adalah betul dan teratur, dan rayuan Perayu telah ditolak dan taksiran dikekalkan.